



TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM WACANA PERPADUAN: MENDEPANI DEFISIT SOSIAL
ERA MALAYSIA MADANI**

4 JULAI 2023 (SELASA) | 9.00 PAGI

BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE

SALUTASI

(Akan dikemaskini kemudian)

Salam sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Pendahuluan

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana kita semua diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama dalam program **Wacana Perpaduan: Mendepani Defisit Sosial** pada hari ini.
2. Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran YBhg Datuk, Datin, tuan, puan, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil agensi kerajaan dan bukan kerajaan, Persatuan-persatuan, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan seluruh hadirin sekalian.

Para hadirin yang dihormati,

3. Mengurus perpaduan adalah satu agenda yang sangat besar dan perlu kepada pendekatan yang menyeluruh. Dalam sebuah negara yang memiliki kepelbagaian kaum, agama dan budaya banyak isu dan cabaran yang perlu ditangani dengan penuh berhemah.

Defisit Sosial

4. Berdasarkan hasil kajian Indeks Perpaduan Nasional atau IPNas, perpaduan negara berada pada tahap baik dan terkawal dengan skor 0.629 pada tahun 2022. Walaupun pada tahap terkawal, hakikatnya masih terdapat cabaran yang boleh menggugat perpaduan sekiranya ia tidak ditangani dengan baik.
5. Pelbagai faktor seperti globalisasi, perkembangan teknologi, akses kepada maklumat serta penggunaan media sosial yang meluas telah mengubah landskap pembangunan negara yang boleh menggugat perpaduan.
6. Sesi Dialog Perpaduan yang dianjurkan antara tahun 2014 hingga 2018 telah mengenal pasti pelbagai isu dan cabaran yang dibangkitkan oleh masyarakat. Isu dan cabaran tersebut telah diklusterkan kepada 10 defisit sosial.
7. **Defisit sosial** membawa maksud **kekurangan dalam konteks sosial** yang **memerlukan usaha yang berterusan** untuk meningkatkan tahap perpaduan. Kekurangan ini disebabkan **jurang perbezaan persepsi dan pendapat** dalam kalangan kelompok yang berbeza bermula dengan individu, keluarga dan masyarakat.
8. Defisit sosial yang wujud ini boleh **membantutkan usaha untuk mencapai matlamat** yang dihajati, sekiranya ianya tidak diuruskan dengan baik.

9. Sepuluh defisit sosial ini ialah etnisiti, agama, kelas sosial, pendidikan, bahasa, jurang generasi, gender, politik federalisme, ruang bandar-desa dan media.
10. Berdasarkan statistik tahunan isu-isu perpaduan yang dilaporkan melalui sistem e-Sepakat bagi tahun 2022, terdapat 812 kes yang menyentuh tentang isu agama, keselamatan, perkauman dan kenyataan berbaur kebencian.
11. Justeru, adalah amat penting agar isu dan cabaran yang boleh menggugat perpaduan ini ditangani secara berhemah.

Wacana Perpaduan : Mendepani Defisit Sosial

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Wacana Perpaduan: Mendepani Defisit Sosial ini merupakan ruang bicara yang lebih terbuka bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan kefahaman mengenai defisit sosial yang menjadi cabaran kepada perpaduan.
13. Lazimnya, hubungan sosial yang melibatkan interaksi pelbagai kaum sering mengundang persaingan. Maka, dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum ini, mengharuskan kita untuk mengurus perbezaan-perbezaan yang menuntut kita semua untuk bersabar, bertolak ansur dan saling hormat menghormati.

14. Dalam konteks ini, pengkelasan kategori defisit sosial boleh menjadi 'alat analisis' yang dapat membantu agensi atau sektor awam dan swasta mengenal pasti isu yang berlaku dalam organisasi mahupun komuniti.
15. Sebagai contoh, alat analisis ini dapat membantu memperincikan dengan lebih tepat sasaran penyelesaian dan kaedah pendekatan yang sesuai untuk menyelesaikan konflik. Contohnya, kontroversi rusuhan Plaza Low-Yat pada tahun 2015 yang dengan mudah telah dilabelkan sebagai rusuhan kaum. Hakikatnya, isu ini hanyalah mengenai kecurian telefon dan salah faham jualbeli yang telah disalah erti sebagai isu perkauman. Rusuhan Plaza Low-Yat tersebut menyebabkan negara kerugian sebanyak RM70,000 di mana 18 orang telah ditahan atas kesalahan jenayah merusuh.
16. Rumusannya, defisit sosial membolehkan agensi dan individu memikirkan jalan penyelesaian yang sesuai dan tepat serta memformulasi strategi komprehensif bagi menyelesaikan masalah dalam masyarakat berbilang kaum.
17. Dengan ini, besarlah harapan saya agar Wacana Perpaduan: Mendepani Defisit Sosial dilaksana bersama prinsip 'terbuka minda, berlapang dada' agar perbincangan dan perbahasan yang padat dengan inovasi pemikiran terhadap strategi penyelesaian baharu dapat dihasilkan. Diharap kejayaan wacana ini dapat membantu Kementerian Perpaduan Negara mengurus kepelbagaian masyarakat dan budaya dengan lebih bersepadu, berhemah, berintegriti, dan disantuni dengan keputusan yang bijaksana.

Penutup

Para hadirin yang saya hormati,

18. Hidup dalam kepelbagaian dan kemajmukan yang dianugerahkan Tuhan ini merupakan sebuah nikmat yang harus kita syukuri. Ia bukan soal untuk mencari siapa yang lebih dan siapa yang kurang, siapa yang baik dan siapa yang buruk, tetapi ia lebih bersifat saling menguatkan bersama.
19. **Kerencaman kaum yang ada dalam negara kita harus dijadikan kekuatan serta simbol perpaduan** kepada dunia. Namun, seruan dan semangat ini akan kekal sebagai retorik sekiranya tiada pengamalan yang dilakukan di lapangan.
20. Maka, usaha membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan wajar ditingkatkan. Semua pihak perlu turun ke lapangan untuk memastikan usaha ini dapat dicapai dengan kadar yang optimum. Perpaduan yang utuh menjadi tunjang kepada pembinaan Malaysia yang maju, sejahtera dan makmur.

“Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat;
Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”.

21. Dengan ini saya **merasmikan Wacana Perpaduan: Mendepani Defisit Sosial.**

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Perpaduan Negara
4 Julai 2023**